

# ADUN BN sokong Abdullah

SHAH ALAM 30 Jun - Kelab Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional SeMalaysia yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai pendekatan tersendiri dalam menangani kritikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pengerusi kelab itu, Datuk Nadzri Ismail berkata, Abdullah sebagai seorang pemimpin yang berhemah sudah pasti mempunyai cari terbaik untuk menghadapi situasi tersebut.

"Pada masa yang sama, kita berpendapat masalah tersebut perlu diselesaikan segera memandangkan sudah wujud perbualan di peringkat akar umbi mengenai kritikan Dr. Mahathir.

"Bagaimanapun, kita percaya perbincangan seumpama itu sekadar perbincangan biasa yang tidak akan membawa kepada perpecahan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Dalam pada itu, katanya, ahli-ahli kelab berkenaan turut menyatakan rasa hormat terhadap Dr. Mahathir selaku bekas pemimpin dan negarawan yang telah banyak berjasa kepada negara.

"Kita menyokong penuh kepimpinan Pak Lah dan pada masa yang sama menghormati Dr. Mahathir," jelasnya.

Sehubungan itu, katanya, mereka mendoakan permasalahan yang wujud sekarang dapat diselesaikan dengan cara yang berhemah demi kepentingan negara.